HP Futures gesa Malaysia tambah pelaburan dalam pendidikan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad - September 8, 2024 @ 2:46pm
hazwanfaisal@mediaprima.com.my



Sistem pendidikan wajar dirancang semula bagi mewujudkan sekolah dan kurikulum yang bersesuaian untuk masa depan - NSTP/AIZUDDIN SAAD

KUALA LUMPUR: Malaysia digesa meningkatkan pelaburan dalam pendidikan meskipun berdepan pelbagai cabaran ekonomi global, demikian menurut HP Futures dalam satu laporan penyelidikan.

Laporan HP Futures itu berkata, cadangan yang berteraskan penyelidikan terperinci termasuk kajian 2020 oleh Washington Center for Equitable Growth mendapati bahawa setiap AS$1 yang dibelanjakan untuk pendidikan menghasilkan pulangan AS$1.66 dalam aktiviti ekonomi pada masa depan dengan kesan yang lebih besar ketika berlaku kemelesetan.

"Menurut Bank Dunia, di Malaysia, 43 peratus kanak-kanak pada usia akhir sekolah rendah hari ini masih tidak mahir membaca, selepas mereka diselaraskan dengan kanak-kanak yang tidak bersekolah. Lonjakan ketara AI Generatif dan automasi juga mengubah ekonomi global, sementara kurikulum masih kekal cenderung dalam ekonomi abad ke-20.

"Inisiatif HP Futures menyasarkan untuk menangani cabaran ini, dan laporan utama mencadangkan tindakan yang dapat memperbaiki akses kepada pendidikan yang baik antaranya merancang semula sistem pendidikan bagi mewujudkan sekolah dan kurikulum yang bersesuaian untuk masa depan," kata laporan itu.

Laporan itu berkata, cadangan utama termasuk pendekatan yang benar-benar berkesan terhadap kecerdasan buatan (AI), melaksanakan sistem sekolah hibrid dengan gabungan format pembelajaran segerak dan tidak segerak serta memusatkan kemahiran pembelajaran sosial dan emosi dalam kurikulum.

Cadangan lain termasuk tidak lagi mencerminkan sistem perindustrian lapuk dengan memisahkan subjek pembelajaran, memperbaharui penilaian untuk memastikan kesaksamaan hasil yang lebih besar serta memperbaharui kurikulum dengan memberi tumpuan untuk menanamkan aspek kebertanggungjawaban dalam kalangan golongan muda bagi menangani krisis iklim.

Selain itu, campur tangan lebih awal bagi membantu golongan muda dalam komuniti yang kurang bernasib baik dengan membina kemahiran elkonomi berpengetahuan atau AI-terbukti bermula dari usia muda.

Inisiatif HP Futures, yang dilaksanakan oleh peneraju teknologi global, HP dengan kerjasama Majlis Pembelajaran Global dan T4 Education, menghimpunkan lebih daripada 100 pakar pendidikan dan penggubal dasar termasuk bekas ketua negara, menteri pendidikan, ahli akademik, pendidik, dan pemimpin dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta perniagaan dari seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Kerjasama ini adalah untuk membangunkan set cadangan praktikal bagi menutup jurang pembelajaran, terutama ketika dunia tidak berada pada landasan yang betul ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memiliki pendidikan sejagat berkualiti menjelang 2030.

Ketua Pegawai Komersial di HP & Pengerusi HP Futures, David McQuarrie, berkata dengan landskap pendidikan yang berkembang pesat yang didorong oleh AI dan inovasi teknologi lain hari ini, generasi seterusnya memerlukan kemahiran dan kefasihan digital yang akan membolehkan mereka berkembang maju dalam abad ke-21.

"Matlamat kami dengan inisiatif HP Futures ini adalah untuk menyediakan cadangan yang berkesan yang akan mendorong tindakan ke arah pendidikan yang lebih adil dan inklusif," katanya.